

SUMBANGAN DATUK JAWAHAR ALI TAIB KHAN DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN

Siti Azwanie Che Omar¹, Phayilah Yama², Siti Zaleha Ibrahim³, Zainora Daud⁴, Nur Aisyah Abu Hassan⁵,

ABSTRAK

Artikel ini memperkenalkan seorang tokoh usahawan Malaysia iaitu Datuk Jawahar Ali Khan, yang mana nama beliau tidak asing lagi dalam bidang perniagaan kerana berjaya mengusahakan sebuah restoran Ali Maju. Terbaru, beliau telah dinobatkan sebagai seorang tokoh Maulidur Rasul Peringkat Wilayah Persekutuan, 2018. Kejayaan beliau bukan sahaja menjadi inspirasi rakyat Malaysia malah, menjadi contoh teladan kepada masyarakat tentang kebaikan beliau dalam mengerjakan aktiviti amal dan kebajikan. Metode kajian ini berbentuk kualitatif iaitu mengumpul maklumat melalui metode keperpustakaan dan dokumentasi serta disokong oleh elemen temu bual. Kajian ilmiah ini, mendedahkan secara terperinci latar belakang tokoh, pendidikan, keluarga, resepi kejayaan dan kematangan beliau dalam mengusahakan sebuah restoran sehingga berjaya mencetuskan inspirasi kepada anak muda di luar sana. Hasil dapatan kajian, menunjukkan usaha dan pengorbanan beliau berhijrah ke Ibu Kota dengan hanya berbekalkan RM 600 telah melayakkan beliau untuk dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Utama Sambutan Maulidur Rasul. Dalam kajian ini, penulis juga mencadangkan setiap pihak perlu memainkan peranan penting untuk memberi sokongan terhadap produk tempatan terutamanya diasaskan oleh orang Islam. Kesimpulannya, Datuk Jawahar Ali Khan merupakan seorang tokoh yang perlu dijadikan ikon oleh masyarakat dan mengambil pengajaran daripada kisah hidup beliau untuk terus berjaya di dunia dan di akhirat.

Kata kunci: Sumbangan, Datuk Jawahar Ali Taib Khan, Usahawan

Pendahuluan

Dalam Islam, istilah perniagaan boleh didefinisikan sebagai teknik perniagaan yang dijalankan oleh Rasulullah s.a.w, sebelum kenabian dan setelah kenabian yang sesuai dengan syariat Islam iaitu yang berlandaskan al-Quran dan al-Hadith. Istilah lain juga bermaksud kegiatan dagang, industri atau kewangan yang dihubungkan dengan pertukaran barangan yang menempatkan wang dari para *entrepreneur* dalam risiko tertentu dengan motif untuk mendapatkan keuntungan. Menurut K. Baten, perniagaan merupakan rangkaian kegiatan yang

¹ Pelajar Sarjana al-Quran & al-Sunnah, (UM) siti.azwanie@yahoo.com

² Pensyarah Kanan, JQS, FPPI. (KUIS). phayilah@kuis.edu.my

³ Pensyarah, JKPI, PPT, (KUIS). zaleha@kuis.edu.my

⁴ Pensyarah Kanan, FQSS, (USIM). zainora@usim.edu.my

⁵ Pensyarah, JBPI, PPT, (KUIS). nuraisyah@kuis.edu.my

terdiri daripada tukar menukar, jual beli, pengeluaran dan interaksi dengan manusia yang lain dengan maksud untuk memperolehi keuntungan. Luasnya maksud perniagaan ini boleh dimaksudkan sebagai keseluruhan usaha yang melibatkan pertanian, komunikasi, produksi, pembangunan, usaha dan tenaga yang bergerak dalam bidang yang menghasilkan dana, memasarkan barangan dan perkhidmatan kepada pelanggan. (Suwandi, Hakimi, Wan Nasyrudin, 2016).

Dalam hadis, Rasulullah s.a.w ada menyebutkan “Sembilan persepuluh punca rezeki adalah di dalam perniagaan”. Pada era globalisasi ini, bidang perniagaan semakin rancak dan mendapat sambutan seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Hal ini ikutan daripada perkembangan kemajuan teknologi yang semakin pesat dengan kemudahan aplikasi yang memudahkan individu memperomosisikan barangan mereka di media sosial dengan menggunakan “*online interaction*” seperti blog, facebook, MySpace, Youtube dan Instagram. Tujuannya bagi memudahkan kegiatan marketing communication, periklanan, promosi dan public relation sebagai perniagaan online. Kaedah ini lebih memudahkan peniaga untuk menjalankan perniagaan secara tidak langsung dari rumah disamping menjimatkan kos. (Classified ryan ST, 2015).

Nabi Muhammad s.a.w antara ikon terbaik yang boleh dijadikan sandaran Umat Islam, yang ingin menceburi bidang perniagaan sebagai usahawan yang berjaya. Beliau dibeli gelaran *al-Amin* kerana kejujuran beliau dalam berniaga. Contoh teladan yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w menunjukkan Islam adalah agama terbaik dalam menjalankan perniagaan yang boleh diikuti dan ianya adalah amalan yang harus dilihat sebagai ibadah kepada Allah s.w.t. (Suwandi, Hakimi, Wan Nasyrudin, 2016). Dalam konteks pada hari ini, konsep perniagaan Islam menjadi sangat perlu sebagai garis panduan untuk individu membina dan membangun beserta saintifikasi struktur perniagaan Islam berasaskan al-Quran dan al-Sunnah sepertimana teknik dan praktik perniagaan Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat.

Metodologi Kajian

Metode kajian ini berbentuk kualitatif iaitu mengumpul maklumat melalui metode keperpustakaan dan dokumentasi serta disokong oleh elemen temu bual. Kajian ilmiah ini, mendedahkan secara terperinci latar belakang tokoh, pendidikan, keluarga, resepi kejayaan dan kematangan beliau dalam mengusahakan sebuah restoran sehingga berjaya mencetuskan inspirasi kepada anak muda di luar sana.

Tujuan utama penulis menggunakan metode ini adalah untuk menganalisis data-data yang telah dikumpulkan melalui perpustakaan (Chuan Yan Piaw, 2011). Kajian ini tertumpu pada latar belakang Datuk Jawahar Ali Khan dan rahsia kejayaannya dalam bidang perniagaan. Namun begitu penulis juga menggunakan metode lain untuk membantu kajian seperti historis. Pemilihan metode yang tepat adalah sangat penting kerana ia akan memberi kesan kepada kajian ini sama ada ia bersifat ilmiah atau sebaliknya. Ekoran hal itu, selain perpustakaan metode utama yang lain digunakan oleh penulis dalam kajian ini iaitu Metode temu bual. (Ahmad Munawar, 2012).

Metode Pengumpulan Data

a) Metode Perpustakaan

Dokumen kepustakaan adalah terdiri daripada dokumen, jurnal dan kertas kerja yang berkaitan dengan subjek kajian. Disebabkan kajian ini adalah kajian perpustakaan maka, maka penulis menggunakan metode ini untuk mendapatkan maklumat di dalam kajian (Ghazali Darusalam, 2016).

b) Metode Temu Bual

Dalam metode temu bual, penulis telah menemu bual Datuk Jawahar Ali Khan sebagai pemilihan calon tokoh utama dalam kajian ini bagi memperolehi latar belakang sebenar beliau termasuklah kejayaan beliau membuka sebuah restoran yang diberi nama Ali Maju.

Hasil Dapatan

a) Biografi

Apabila disebut mengenai tokoh usahawan yang berjaya di Malaysia, pastinya kita akan membayangkan Tan Sri Tony Farnandes, Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhari, Robert Kuak, Tan Sri Azman Hasyim dan ramai lagi. Namun begitu, dalam kajian ini penulis telah memilih seorang tokoh Maulidur Rasul pada tahun 2018 iaitu Datuk Jawahar Ali Khan. Beliau berumur 53 tahun. Beliau merupakan seorang pengusaha sebuah restoran yang terkenal di Malaysia iaitu Restoran Ali Maju. Nama penuh beliau ialah Jawahar Ali Bin Taib Khan atau dikenali sebagai Jawahar Ali. Beliau dilahirkan di Sabak Bernam, Selangor dan kini menetap di Kuala Lumpur bersama keluarganya. Beliau merupakan ketua kumpulan Eksekutif Restoran Ali Maju yang kini mempunyai cawangan di merata-rata tempat di seluruh Malaysia. Pendidikan beliau, di peringkat menengah beliau bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman Putra yang terletak di Sabak Bernam.

b) Sejarah Latar Belakang

Datuk Jawahar Ali Khan merupakan seorang budak kampung yang berasal dari Sabak Bernam, Selangor. Beliau mula berhijrah ke Kuala Lumpur pada tanggal 1993 bersama seorang Isteri, anak sulung beliau yang berumur 6 tahun dan anak perempuan beliau yang berumur 2 tahun pada ketika itu yang hanya bermodalkan wang sebanyak RM 600 sahaja. Duit tersebut merupakan gaji beliau yang bekerja di kampung sebanyak RM 600 sebulan yang mana beliau kumpul sebanyak RM 50 sehari demi sehari dan tekad untuk datang ke Kuala Lumpur dengan bermodalkan RM 600.

Dengan bermodalkan RM 600 sahaja, kehidupan Datuk Jawahar Ali Khan kini berubah sekelip mata daripada seorang budak kampung di Sabak Bernam yang dahulunya menjadi pembantu kedai makan milik saudara beliau sendiri. Kini beliau telah mempunyai 24 rangkaian restoran termasuk kiosk dan mart yang terletak di Lembah Klang. Walaupun tidak mempunyai asas sebagai tukang masak seperti rangkaian restoran yang lain, ianya tidak menghalang Datuk

Jawahar Ali Taib Khan untuk berusaha gigih menerokai bidang perniagaan berasaskan makanan sejak 1996. Beliau yang mempunyai pengalaman berniaga kedai runcit bersama datuknya sejak kecil berhijrah ke ibu negara pada 1993. Di Kuala Lumpur beliau bekerja sebagai pembantu kedai makan milik Abang saudaranya di Jalan Rejang, Setapak Jaya sebelum ditawarkan bekerja sebagai pengurus di sebuah restoran di Subang Jaya, sehinggalah beliau diberi peluang untuk membuka sebuah restoran Ali Cafe di Putrajaya pada tahun 1996. (Syagiq Iskandar, 2018).

Mengimbu kenangan tersebut, Datuk jawahar Ali Khan atau Datuk Ali Maju memberitahu ia mengambil masa beberapa bulan untuk mengumpul wang daripada gajinya sebagai pembantu kedai sebelum mencari pengalaman baru bersama keluarga, dengan dibantu abang saudaranya. Beliau menceritakan, dengan rezeki yang Allah kurniakan kepada beliau, beliau perlu kongsi kepada golongan yang kurang berkemampuan. Seperti mana terdapat satu pepatah yang mengatakan bahawa "Dalam rezeki kita terdapat rezeki orang lain." Daripada kejayaan beliau tersebut, beliau berkongsi pengalaman dengan orang lain bagaimana beliau mensyukuri rezeki yang Allah kurniakan kepada beliau sebanyak RM 600. Selain restoran beliau juga mempunyai kios potostet dan juga kedai buku.

c) Kejayaan Yang Dicapai

Sehingga kini, beliau mempunyai staf seramai 400 orang lebih yang mana beliau sangat menitik beratkan kebajikan pekerjanya. Antaranya yang paling terbaik beliau memberikan pengkhususan pengajian agama kepada para pekerjanya seperti kelas mengaji dan juga fardu ain. Di setiap premis beliau menyediakan seorang ustaz yang mana setiap seminggu dua kali akan diadakan kelas al-Quran dan fardu ain. Hal ini kerana bagi Datuk Jawahar Ali Khan, seseorang pekerja itu perlu mempunyai pengetahuan bukan sahaja ilmu dunia malah ilmu akhirat. Perkara yang paling penting bagi beliau ialah penyediaan ruang untuk tempat ibadat melaksanakan solat fardu. Hal ini kerana beliau merasakan dengan rezeki yang ada pada beliau pada hari ini, beliau perlu bersyukur yang tidak terhingga kerana mengimbas kehidupan beliau yang datang daripada keluarga yang kurang berada.

d) Prinsip Hidup Dan Rahsia Kejayaan

Prinsip hidup Datuk Jawahar Ali Khan ialah " Bukan semua duit itu milik saya, ada juga milik orang susah." Jadi beliau perlu berikan melalui sumbangan, zakat dan bersedekah. Antaranya kata beliau:
"Mudah saja, setiap satu ringgit saya beri 10 sen. Setiap RM10, saya bagi RM1. Setiap RM100 saya bagi RM10, begitulah umpamanya.

Prinsip yang kedua, jika kita berjaya pada hari ini kita akan berjaya selamanya, berkongsilah kerana rezeki itu adalah hak milik Allah. Tips kejayaan beliau, perkara yang paling penting untuk berjaya perlu ada rasa syukur, berkongsi dengan orang yang memerlukan. Dapat memberi zakat dan secara tidak langsung, menjadikan penerima zakat sebagai pemberi zakat pada suatu hari nanti.

Ketiga, sejak 20 tahun yang lalu beliau menjadikan keberkatan sebagai prinsip di dalam perniagaan. Beliau telah menubuhkan sebuah Madrasahul Faridiyah di Setapak Jaya untuk

pengajian al-Quran bagi golongan kurang berkemampuan. Selain mengadakan sumbangan kepada golongan asnaf secara tahunan. Bagi beliau rezeki yang dikurniakan Allah wajib dikongsi dengan saudara seagama yang lain kerana semua orang mempunyai bahagian masing-masing dan beliau tidak terkecuali untuk membantu dengan sebaik mungkin. (Latifah Ariffin, 2018).

Setiap pekerja perlu mementingkan kebersihan dan servis berkualiti bagi memastikan pelanggan berpuas hati. Datuk Jawahar yang pernah melalui jatuh bangun dalam perniagaan, beliau akan turun padang melihat operasi perniagaan bukan hanya menjadi ‘mandur’ yang tahu memberi arahan semata-mata dan itu yang dipraktikkannya selama ini. Bapa kepada lima cahaya mata itu berkata, beliau kini fokus kepada pembinaan maahad tahfiz empat tingkat yang dijangka siap Ramadan ini untuk memberi ruang kepada pelajar menimba ilmu agama selain menggunakan modul yang mengikut dasar pendidikan negara untuk mata pelajaran asas lain. Beliau berkata:

“Ilham untuk membina maahad ini sudah lama, sejak 2011 lagi. Saya dapat sebidang tanah di Jalan 14/26 Setapak Jaya dan mula bina maahad ini lebih setahun lalu.” Ia akan menempatkan minimum 120 pelajar dengan lapan tenaga pengajar pengajian al-Quran. “Saya rasakan sudah sampai masanya pendidikan tahfiz dan al-Quran diperkasakan menerusi institusi yang lebih tersusun dan merangkumi pembelajaran seperti mana akta pendidikan.

Setelah berpenat lelah dan bertawakal kepada Allah dengan usaha dan kegigihan beliau, pada tahun 2000 beliau telah menyewa dua lot restoran dan mula menanam cita-cita untuk menubuhkan sebuah madrasah. Cita-cita beliau tercapai setelah permohonan beliau diterima untuk mendirikan sebuah madrasah Di Sri Rampai, Wangsa Maju. Pengajian ini dilaksanakan kepada pelajar secara percuma pada pengajian waktu pagi dan juga pada waktu petang. Di pengajian Tafiz, beliau sangat menekankan ilmu hafazan dan tidak ketinggalan ilmu akademik. Cara pengajian di Tafiz setelah pelajar berjaya menghafaz sebanyak 13 atau 14 juzuk al-Quran beliau diberi pilihan untuk melanjutkan pengajian dalam bidang akademik sama ada untuk mengambil PT3 ataupun Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Perkara yang paling membaggakan beliau ramai dalam kalangan pelajar tafiz keluaran beliau berjaya menjadi seorang Doktor perubatan, akauntan, ustaz dan sebagainya.

Kini beliau merupakan pengarah Syarikat Rangkaian Shah Maju Sdn Bhd, Ali Maju Mart Sdn Bhd, Ali Maju Cafe, Ali Maju Properties Sdn Bhd dan Ali Maju Kiosk di sekitar Lembah Klang. Beliau juga kini bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dalam program kebajikan seperti Foodbank JAWI dan Mesin ATM Beras untuk membantu golongan memerlukan di Wilayah Persekutuan. Ia teretus daripada sejarah hidupnya yang datang daripada keluarga sederhana dan belajar untuk terus berusaha mengubah diri sendiri, keluarga, rakan serta masyarakat supaya dapat melahirkan generasi akan datang yang berilmu dan budiman. “Saya suka dengan pendekatan Pengarah JAWI, Mohd Ajib Ismail yang berfikir di luar kotak. (Yuzmizal Dolah, 2019).

“Umpamanya program baharu ini, dijemput rakan-rakan bukan Islam untuk bersama-sama membantu.” Beliau juga membantu bukan kerana nama, tetapi demi Allah kerana setiap satu sen yang kita dapat, kita kena jawab di depan Allah nanti,” katanya yang menerima anugerah Tokoh Utama Maulidur Rasul 1440 H Peringkat Wilayah Persekutuan tahun lalu. Anugerah Tokoh Maulidur Rasul yang diterima, membolehkan anak jati Pulau Pinang itu

menerima hadiah wang tunai RM8,000, pakej umrah bernilai RM7,000, trofi dan sijil penghargaan. Selain Datuk Jawahar, Rosyam, Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Sharifah Hayaati Syed Ismail Al-Qudsy turut menerima penganugerahan sama yang masing-masing menerima hadiah wang tunai RM3,000, trofi dan sijil penghargaan.

Selain itu, lima organisasi lain turut menerima penganugerahan, iaitu Anugerah Badan atau Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam Terbaik yang diberikan kepada Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM); Masjid Terbaik (Masjid Usamah Bin Zaid); Rumah Kebajikan Islam Terbaik (Darul Ilmi); Surau Sekolah Terbaik (Surau Khadijah Binti Khuwailid) dan Maahad Tahfiz atau Sekolah Agama Swasta Terbaik (Sekolah Menengah Islam IQKL).

Kesimpulan

Secara konklusinya penulis dapat merumuskan Datuk Jawahar Ali Khan sebagai seorang yang sangat mementingkan ilmu akhirat dengan penubuhan sebuah madrasah dan juga Tafiz al-Quran. Selain, tidak mudah berputus asa, beliau juga mempunyai daya pemikiran yang kritikal dengan membantu masyarakat dalam menyumbang kepada aspek tanggungjawab sosial. Oleh itu, Datuk Jawahar Ali Khan sesuai dilantik sebagai seorang tokoh Maulidur serta kejayaan beliau perlu dijadikan ikon oleh masyarakat dan boleh diambil pengajaran daripada kisah hidup beliau untuk terus berjaya di dunia dan di akhirat. Kesusahan bukan penghalang untuk mencapai kejayaan.

Rujukan

- Classified ryan ST, 2015, Kewujudan Media Sosial Memberikan Implikasi Positif Dan Negatif Terhadap Interaksi Sosial Dalam Kalangan Masyarakat, Academia.edu.my.
- Suwandi, Muhammad Hakimi Mohd Syafiai, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, 2016, Konsep Perniagaan Islam Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Vol 3 Bil 2.
- Ghazali Darusalam. Sufean Hussin, 2016, Metodologi Penyelidik Dalam Pendidikan Amalan dan analisis Kajian, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Munawar Ismail, Mohd Nor Shahizan Ali, 2012, Memahami Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam. Fakulti Pengajian Islam, UKM Bangi, Selangor
- Chua Yan Piaw, 2014, Kaedah Penyelidikan. McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd. Selangor.
- Yuzmizal Dolah Aling, 2019, Bermula dengan Modal RM 600, MyMetro, Rencana. Temu bual bersama Datuk Jawahar Ali Khan.
- DatukJawahar Ali Khan, Facebook Profile, <http://www.facebook.com/search/top/alikhan>.
- Syafiq Iskandar, 2018, Pemilik Ali Maju Dinobat Penerima Anugerah Tokoh Maulidur Rasul Peringkat Wilayah persekutuan, MD Malaysia dateline.
- Latifah Ariffin, 2018, Tokoh Perniagaan Terima Anugerah Maulidur Rasul Wilayah Persekutuan, Berita Harian Online.